

UNIT 5 : MALAYSIA MAJU

5.2 : Telekomunikasi

Arahan : Baca nota di bawah.



TELEKOMUNIKASI

Telekomunikasi bermaksud sains yang berkaitan dengan penghantaran maklumat melalui talian telefon, mikrogelombang, gentian optik dan satelit.

5.2.1 Alat Telekomunikasi

Alat telekomunikasi ialah alat perantaraan yang digunakan untuk berhubung. Penggunaannya melibatkan jarak yang jauh antara penyampai dan penerima maklumat. Perkembangan kemajuan alat telekomunikasi berlaku mengikut peredaran zaman.

Telefon

Digunakan untuk berhubung dengan individu yang berada di tempat lain.



Telefon gagang



Telefon bimbit



Telefon pintar

Mesin Faksimile

Menyalin dan menghantar imej cetak ke satu tempat yang lain melalui talian telefon.



Mesin teleks



Mesin faksimile

Komputer

Menerima, memproses, menyimpan dan menyampaikan maklumat.



Komputer riba



Komputer peribadi



Komputer tablet

Televisyen

Penyiaran gambar hidup atau bergerak berserta bunyi di skrin atau kaca televisyen.



Televisyen hitam putih



Televisyen warna



Televisyen plasma



Televisyen LED/LCD



Celik Ilmu



Telegraf diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1876 yang digunakan untuk memudahkan urusan pentadbiran British.

Radio

Penghantaran dan pengiriman maklumat berbentuk bunyi menerusi pembesar suara.



Pemutar piring hitam



Radio klasik



Radio kaset



Radio digital



Imbas saya



Layari laman web <http://arasmega.com/qr-link/nota-sejarah-telegraf/> untuk mengetahui lebih lanjut tentang sejarah telegraf. (Dicapai pada 8 Julai 2019).



Nilai Murni

Melahirkan generasi muda yang menghargai kepentingan pengangkutan dan alat telekomunikasi bagi memudahkan perjalanan aktiviti harian.

I. Jawab soalan teka-teki di bawah.

- a. Saya tinggal di pejabat,
saya menghantar surat tanpa setem.
Siapakah saya?




- b. Saya alat penting masa kini,
saya diisi dengan pelbagai aplikasi.
Anda boleh bercakap dan menulis
menggunakan saya. Saya juga boleh
mengambil gambar. Teka siapakah saya?



- c. Saya digunakan untuk menaip,
menyimpan dan menghantar maklumat.
Anda juga boleh menonton filem
dan mendengar lagu melalui saya.
Siapakah saya?



- d. Saya berbentuk segi empat tepat,
manusia boleh menonton pada badan
saya, dahulu saya tebal, kini saya nipis.
Tekalah siapa saya?



KOMPUTER RIBA


MESIN FAKSIMILE

KOMPUTER PERIBADI

TELEFON PINTAR

2. Susun huruf di bawah supaya menjadi nama alat-alat telekomunikasi pada masa ini.

a. DOIAR



b. FNOETLE



c. LTEEVSNIY



d. SEIMN LETESK



e. PTERKOUM TEBLAT

